So, when can Malaysians expect a biotech ecosystem resembling those of the famous United States-based hubs?

Mohd Nazlee doesn't think a comparison is appropriate. If anything, he thinks it makes sense to gauge our milestones by looking at the targets we set for ourselves. To date, the target investment amount under Malaysia's Biotechnology Policy was RM9bil for 2011-2015. We have exceeded that, attracting RM18.52bil in capital investments to date. Revenue generation, however, is lagging – perhaps owing to a miscalculation of how long it would take for those investments to mature.

The expectation was for revenue to hit RM50bil by 2015, but BioNexus companies are collectively bringing in just RM548.8mil in revenue. With Arkema, CJ Cheil Jedang and Biocon starting operations next year, this figure will likely get a lot bigger. Either way, as far as groundwork goes, a lot has been done, and time will tell if Malaysia's approach to the biotech train gets us to our destination.



Collaborate to flourish: The arrival of major biotech players in Malaysia paves the way for greater collaboration between the corporate sector and local research institutions. This is already happening, for example between Biocon and Universiti Teknologi Malaysia. Pictured here is a UTM researcher working on one such collaborative project.



Lebih Banyak Strategi Diperlukan Untuk Rangsang Pertumbuhan Bioteknologi - Najib



KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Lebih banyak strategi agresif diperlukan bagi merangsang dan mengekalkan pertumbuhan industri bioteknologi melepasi 2020 berikutan kompleksiti industri berasaskan bio kini semakin meningkat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Untuk itu beliau berkata peranan syarikat-syarikat BioNexus dalam Bioekonomi Malaysia tidak ragu-ragu lagi menjadi lebih penting dalam memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

"Fasa ketiga Dasar Bioteknologi Nasional, yang akan bermula pada 2016, akan memberi tumpuan kepada perniagaan global, dengan sasarannya menjadikan Malaysia sebagai penggiat global menjelang 2020," katanya.

Najib berkata demikian pada perasmian Persidangan dan Pameran Bioteknologi Asia Pasifik 2014 di sini.

Malaysia kini mempunyai 240 Syarikat BioNexus dengan pelaburan yang diluluskan bernilai lebih RM4.41 bilion.

Najib berkata strategi itu akan memberi tumpuan ke atas mengukuhkan syarikat BioNexus, universiti dan institusi penyelidikan secara menyeluruh, dengan syarikat berkenaan berupaya meneroka sumber tersedia untuk meningkatkan inovasi dan mengukuhkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan menerusi rangka kerja ini.

Beliau berkata industri berasaskan bio dianggap sebagai sektor berimpak tinggi, pertumbuhan tinggi dan berteknologi tinggi yang berupaya untuk memacu pembangunan teknologi peralihan yang inovatif.

Najib berkata inisiatif ini akan menjana peluang baharu ekonomi dan mewujudkan spektrum luas segmen industri perintis dalam negara.

"Bioekonomi dikenal pasti sebagai pengubah untuk ekonomi Malaysia.

"Menerusi Biokepelbagaian dan sumber biologi yang ada, Bioekonomi berpotensi meningkatkan daya saing ekonomi negara, membuka lebih banyak peluang pekerjaan, meningkatkan penjagaan kesihatan dan memastikan jaminan makanan serta menangani alam sekitar selain kemampanan," katanya.

Beliau berkata kerajaan menerusi usaha yang dijalankan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, dan BiotechCorp, kini membangunkan agenda pembangunan komprehensif yang menggalakkan penggunaan kimia boleh baharu dan produk berasaskan bio, menerusi inisiatif yang dipanggil Program Transformasi Bioekonomi (BTP).

"Ketika kita melaksanakan transformasi bagi memastikan perubahan secara menyeluruh dan terangkum, inisiatif BTP merupakan komponen yang sangat penting dalam agenda transformasi ekonomi kerajaan," katanya.

Najib berkata pelaburan yang diluluskan dalam industri berasaskan bio di Malaysia dari 2011 hingga setakat ini, telah meningkat lebih daripada sekali ganda kepada RM18.98 bilion berbanding sasaran RM9 bilion yang ditetapkan bagi tempoh 2011-2015.

Beliau berkata pencapaian penting untuk Fasa 2 Dasar Bioteknologi Nasional dapat menjana manfaat kepada rakyat dan negara, menerusi pewujudan peluang pekerjaan kepada lepasan universiti, mendedahkan mereka kepada inovasi dan teknologi moden.

Agenda Bioekonomi di Malaysia menyasarkan RM48 bilion dalam pendapatan negara kasar pada 2020, menarik RM50 bilion pelaburan dan mewujudkan 170,000 peluang pekerjaan menjelang 2020.

"Inisiatif Program Transformasi Bioekonomi ini akan memudahkan syarikat berasaskan bio tempatan berkembang dengan lebih cepat untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa, yang secara serentak mewujudkan peluang pendapatan yang lebih luas dan meningkatkan nilai modal insan negara," katanya.

Najib berkata kerajaan menyedari masalah kekurangan bakat yang dihadapi oleh perusahaan bioteknologi, dan menambah ia boleh ditangani menerusi rakan usaha sama inovatif antara kerajaan dan institusi pendidikan awam dan swasta.

"Kita perlu membangunkan sumber modal insan yang diperlukan dengan kemahiran dan pengetahuan tertentu, memperkukuh budaya inovasi dan meningkatkan prestasi menerusi latihan," katanya.

Najib berkata universiti dan institusi pengajian tinggi boleh menjadi penyedia utama pekerja berpengetahuan bagi memenuhi peluang yang diwujudkan oleh industri berasaskan bio.

Perdana Menteri turut menyaksikan enam usaha sama bagi memperkukuh pertumbuhan Bioekonomi dan bioteknologi Malaysia, dengan pelaburan berjumlah lebih RM250 juta, ditandatangani.

-- BERNAMA



BiotechCorp Sasar Peroleh Pelaburan RM5 Bln Pada 2015

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- [Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd \(BiotechCorp\)](#) berharap memperoleh pelaburan bernilai sekurang-kurangnya RM5 bilion tahun depan dengan sokongan tiga segmen paling kukuh syarikat iaitu pertanian, perindustrian dan farmaseutikal.

[Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal](#) berkata walaupun Malaysia bersaing dengan negara-negara serantau dalam memperoleh pelaburan berasaskan bioteknologi, beliau yakin syarikat dapat mencapai sasaran berdasarkan kelebihan negara dari segi strategi perniagaan, penyelarasan dan mekanisme sokongan.

"Kami agak memilih dalam membawa masuk pelabur kerana kami mahukan projek berimpak tinggi terutama menjelang fasa ketiga Dasar Bioteknologi Negara (DBN) pada 2016," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Persidangan dan Pameran BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2014 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, di sini Rabu.

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ibin.

Mohd Nazlee berkata sasaran pelaburan asal RM15 bilion bagi fasa ketiga DBN untuk tempoh 2016-2020 juga akan disemak semula pada kadar lebih tinggi memandangkan pelaburan diluluskan dalam fasa dua melepasi RM18 bilion.

Jumlah pelaburan diluluskan bagi industri berasaskan bioteknologi Malaysia dari 2011 hingga sekarang meningkat lebih sekali ganda kepada RM18.98 bilion berbanding sasaran RM9 bilion yang ditetapkan untuk tempoh 2011-2015.

BiotechCorp dalam kedudukan selesa dengan nisbah pelaburan tempatan dan antarabangsa 50-50 yang dicatat setakat ini, katanya.

Terdahulu Perdana Menteri menyaksikan pertukaran dokumen enam kerjasama dengan nilai pelaburan berjumlah lebih RM250 juta antaranya dengan Malaysia Debt Venture Bhd, Verdezyne, Thailand Centre of Excellence for Life Sciences, Gas Malaysia Bhd dan Sirim Bhd.

Semasa perasmian, Najib juga melancarkan Laporan Tahunan Program Transformasi Bioekonomi (BTP) 2014 yang mengetengahkan pencapaiannya sejak dilancarkan dua tahun lalu.

Sehingga kini, BTP mencatat 25 projek pencetus yang dijangka menjana pendapatan negara kasar (PNK) RM4.2 bilion menjelang 2020.

Untuk tempoh jangka panjang, BTP menyasarkan PNK berjumlah RM48 bilion dengan penghasilan 170,000 peluang pekerjaan baharu dan pelaburan bernilai RM50 bilion menjelang 2020.



MDV, BiotechCorp Bekerjasama Tingkatkan Sektor Bioteknologi

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- [Malaysia Debt Ventures Bhd \(MDV\)](#) akan bekerjasama dengan [Malaysian Biotechnology Corp \(BiotechCorp\)](#) bagi meningkatkan lagi sektor bioteknologi di negara ini.

Dalam satu kenyataan, MDV berkata, kedua-dua pihak yang menandatangani perjanjian perkhidmatan hari ini akan bekerjasama dalam Program Transformasi Bioekonomi (PTB).

Majlis itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak di Persidangan dan Pameran BioMalaysia dan Bioekonomi Asia Pasifik 2014 di sini.

Mengikut perjanjian berkenaan, MDV akan menguruskan dana bagi menyokong PTB, program yang direka untuk mentransformasi sektor bioekonomi Malaysia dengan menyediakan dana pencetus sehingga 10 peratus daripada kos yang layak bagi merangsang pelaburan dalam sektor terbabit.

-- BERNAMA

Inovasi berimpak tinggi

» Dana RM1.3 bilion untuk
MOSTI laksanakan program,
jalankan kajian

Oleh Nor Azma Laila dan Suraya
Sahizan
bhskor@bh.com.my

► Petaling Jaya

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menyasarkan untuk mengkomersialkan 360 produk inovasi berimpak tinggi menjelang tahun 2020.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah, berkata dalam Bajet 2015, kerajaan memperuntukkan RM1.3 bilion kepada MOSTI bagi melaksanakan beberapa program dan inisiatif berkaitan inovasi.

"Inisiatif berkenaan ialah menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM290 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berimpak tinggi."

"Selain itu, kita juga dijangka memperkenalkan inisiatif baharu iaitu Public Private Research Network yang diterajui Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dengan peruntukan RM50 juta," katanya ketika berucap pada majlis pelan-



"Inisiatif berkenaan ialah menyediakan dana penyelidikan sebanyak RM290 juta bagi menjalankan pelbagai aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang berimpak tinggi"

Abu Bakar Mohamad Diah
Timbalan Menteri Sains,
Teknologi dan Inovasi



Dr Abu Bakar (tengah) bergambar bersama pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan USJ 13, Subang Jaya yang mengambil bahagian dalam aktiviti Formula 1 in School selepas majlis pelancaran Karnival Pembelajaran STEAM di Jaya One, baru-baru ini.

caran Karnival Pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM), di The School, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Eksekutif KJS Telecommunication Infrastructure, Datuk Ikhwani Salim dan Pengarah Eksekutif Tetap Tiara Sdn Bhd, Charles Wong yang juga pemaju kepada Jaya One dan The School.


Berjaya dikomersialkan

Abu Bakar berkata, sebanyak 3,856 projek penyelidikan berjaya dihasilkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) manakala bagi RMK-10, sebanyak 350 projek pula berjaya dihasilkan.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 314 projek dalam RMK-9 dan 52 projek RMK-10 berjaya dikomersialkan.

"Antara produk yang berjaya dikomersialkan ialah Magic Zlate II, film Hikayat Merong Mahawangsa, Motorised Cutter for Palm Oil Harvesting dan B-Smart Telematic Services," katanya.

Mengulas mengenai Festival Pembelajaran yang dianjurkan oleh The



Rekaan kerusi beroda yang menggunakan teknologi robotik turut dipamerkan selepas pelancaran karnival Pembelajaran STEAM di Jaya One.

School, Abu Bakar (gambar) berkata, program berkenaan mampu menggalakkan pelajar lebih meminati bidang sains, teknologi, kejuruteraan, matematik dan seni.

"Sebagai pulangnya, saya berharap program itu dapat menyuntik minat generasi baharu untuk memilih bidang berkenaan sebagai kerjaya pada masa depan."

"Usaha yang dibuat The School dalam memberi lebih banyak pendedahan berkaitan pendidikan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik harus dipuji dan diikuti oleh lebih ramai sektor swasta yang lain," katanya.

STEAM adalah karnival pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar mendapatkan pendedahan mengenai bidang berkenaan melalui lebih 20 pempamer yang mengambil bahagian dalam program yang berlangsung selama tiga bulan itu.

Orang ramai boleh mengambil bahagian dalam aktiviti pendidikan, bengkel dan pameran berkaitan lima bidang berkenaan yang dianjurkan rakan pempamer antaranya Roboticist, Science Bridge Academy, F1 In Schools, Sustainable Eco Development for Schools (SEEDS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), IACT College, Yamaha Music School, Learning Fresh dan Vivas Magic.



Dr Abu Bakar (tengah) bersama kanak-kanak dalam satu bengkel bercerita.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (LIVING) : MUKA SURAT 11
TARIKH: 20 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

**NATIONAL SYMPOSIUM
ON FURNITURE DESIGN**

Grand Lexis
Batu 2, Jalan Seremban
Port Dickson
Negri Sembilan
Tel: 03-6279 7705/7415/7386
yanti@frim.gov.my / azrieda@frim.
gov.my / sitizalehaali@frim.gov.my

NOV 26-27: The Forest Research
Institute Malaysia (FRIM) and
Furniture Industry Technology
Centre (FITEC) are organising a
national symposium to enhance
awareness of the importance of the
relationship between designs,
materials, technologies and markets
in order to increase Malaysia's fur-
niture exports. There will be 13
presentations by experts, including
keynote speakers Science, Tech-
nology and Innovation deputy min-
ister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad
Diah, Universiti Sains Malaysia
School of Arts dean Assoc Prof
Mohamad Omar Bidin, and Roland
Berger Strategy Consultants
Malaysia partner John Low.

IUKL wins accolades in innovation expo

INFRASTRUCTURE University Kuala Lumpur (IUKL) created another success story when its researchers won gold and silver medals at the International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2014 (ITEX 2014), held recently at the Kuala Lumpur Convention Centre.

Each year, IUKL strives to produce quality inventions by organising the Infrastructure University Innovation and Invention Competition (IUIIC).

Through IUIIC, IUKL also submitted two inventions to compete at International Engineering Invention and Innovation Exhibition (I-ENVEX2014) organised by Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP) that won two medals – a gold and a silver.

The invention that won gold at the ITEX 2014 is The Toughness of Steel Fibre Square Concrete Column by Dr Nurharniza Abdul Rahman under the Building and Construction category.

Dr Fariba Jafari won a silver medal for her product, Microstrip Moisture Sensor for Grain in Agriculture category.

"The use of steel fibres for the main structure of the building in construction projects, such as the columns, is untapped but steel fibres are widely used for exterior coatings, including strengthening the texture for road surface," said project leader Nurharniza upon receiving the Gold Award.

She explained that the use of steel fibre produced from used iron can save up to 77% of construction costs.

ITEX is an international platform for local and international inventors and research scientists to present their innovations to a busi-



Dr Nurharniza Abdul Rahman and her team with their medals and invention.

ness community keen on commercialising unique inventions.

IUKL also organised the Pertandingan Inovasi dan Rekapipta Institusi Pengajian Tinggi Swasta in collaboration with the Science, Technology and Innovation Ministry and supported by the Education Ministry.

IUKL, established over 15 years ago, has been rated as an Excellence University (Tier 5) in SETARA'11 by the Malaysian Qualifications Agency.

In addition to the Engineering and Technology programmes, IUKL also offers programmes in Architecture, Quantity Surveying, Business, Accounting, Information Technology, Corporate Communications, English Language Studies and Biotechnology.

■ For more information, call 1800 88 STUDY (78839) or visit www.IUKL.edu.my

Undang-undang jenayah siber Malaysia ketinggalan – Rais

KUALA LUMPUR 19 Nov. - Undang-undang jenayah siber negara ini perlu dikaji semula memandangkan ia jauh ketinggalan berbanding negara-negara lain seperti China dan Singapura, sekali gus menyebabkan berlakunya peningkatan kes.

Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Tan Sri Dr. Rais Yatim berkata, pada 2012, **CyberSecurity Malaysia** merekodkan lebih 9,000 kes jenayah siber namun kadar penyelesaiannya masih rendah berbanding Singapura.

Kata beliau, bagi meningkatkan keberkesanan siasatan dan penyelesaian kes, Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) perlu diberi kuasa-kuasa baharu yang lebih relevan dengan keadaan semasa selain dilengkapi dengan peralatan moden.

"Ini termasuklah meningkatkan kepakaran forensik dan penyelidikan berkaitan jenayah ini yang semakin mencabar. Selain itu, ada beberapa perkara di bawah Akta Keterangan 1950 yang perlu dilihat semula agar memberi peranan kepada penguat kuasa menjalankan tugas mereka

dengan cepat dalam mencegah jenayah siber," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Antarabangsa, Undang-undang, Peraturan dan Jenayah di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (Istac) di sini, hari ini.

Yang hadir sama ialah Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Mohamad Khalid Shariff dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Rais seterusnya berkata, negara-negara ASEAN juga perlu mengadakan kerjasama dalam aspek intipan dan tangkapan serta sewajarnya rantau berkenaan ditimbang untuk dijadikan sebagai satu wilayah sama.

"ASEAN harus ada konvensyen untuk kerjasama ini dan jika berjaya, orang yang menipu di Bangkok, Thailand dan apabila tiba di Kuala Lumpur, kita (penguat kuasa) boleh tangkap untuk diambil tindakan," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu UIAM akan mewujudkan satu unit bagi mengkaji undang-undang yang bertujuan untuk memperkasakan tangkapan dan siasatan oleh pihak berkuasa mengenai jenayah-jenayah siber.



RAIS YATIM berbual dengan Khalid Abu Bakar pada Seminar Antarabangsa, Undang-undang, Peraturan dan Jenayah di Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (Istac), Jalan Duta, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ FARID JANUDIN



Pihak Berkuasa Perlu Diberi Lebih Kuasa Tangani Jenayah Siber - Rais

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Polis Diraja Malaysia(PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan [CyberSecurity](#) perlu diberikan lebih kuasa dari segi perundangan bagi mengambil tindakan lebih cepat terhadap kegiatan jenayah siber.

Penasihat kerajaan dalam hal ehwal sosial dan kebudayaan Tan Sri Dr Rais Yatim berkata perundangan yang ada ketika ini tidak mencukupi bagi membolehkan pihak berkuasa bertindak lebih tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab terhadap kegiatan penggodaman.

"Apabila penjenayah siber melakukan jenayah seperti perbuatan 'hacking' sehingga menyebabkan orang kehilangan wang tunai, tindakan cepat mesti diambil. Jika tidak, tindakan itu 'percuma sahaja' kerana penjenayah sudah lari.

"Mereka juga mudah memusnahkan peralatan yang digunakan dalam melakukan jenayah itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan antarabangsa 'Criminal Justice System in the 21st Century: Spirit, Form and Challenges' di sini Rabu.

Tambah beliau, peralatan forensik digital dan alatan penyelidikan yang moden serta latihan bersesuaian kehendak semasa juga perlu diberikan bagi memastikan pihak penguat kuasa dapat bersaing dengan penjenayah siber yang kelihatan lebih pantas dalam penggunaan aplikasi teknologi.

Dalam pada itu, Rais yang juga Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berkata universiti berkenaan juga akan mewujudkan unit khusus untuk mengkaji undang-undang bagi memperkasakan siasatan berhubung jenayah siber.

"Kita perlu wujudkan satu unit untuk melihat undang-undang. Perlu ada suatu batasan dan keseimbangan antara penguatkuasaan dengan hak kebebasan bersuara dalam setiap tindakan," katanya.

Rais berharap konvensyen antara negara anggota Asean dapat diwujudkan bagi membolehkan pihak berkuasa serantau bekerjasama bukan sekadar dalam perkongsian teknologi, namun turut memudahkan tangkapan dibuat, sekiranya penjenayah melarikan diri.

Terdahulu, dalam ucapannya, Rais berkata statistik CyberSecurity menunjukkan jenayah siber di Malaysia untuk tempoh enam bulan pertama pada 2013 mencecah nilai RM1.1 bilion, sekali gus menggambarkan keperluan tindakan segera untuk mengukuhkan undang-undang siber di negara ini.



Uniten Perkenal Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer Keselamatan Siber Tahun Depan

PUTRAJAYA, 19 Nov (Bernama) -- Universiti Tenaga Nasional (Uniten) akan memperkenalkan program baharu, Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer khusus dalam bidang Keselamatan Siber pada tahun hadapan melibatkan 30 pelajar untuk pengambilan pertamanya.

Dekan Kolej Teknologi Maklumat Uniten Prof Madya Dr Siti Salbiah Mohamed Shariff berkata Uniten menjadi institusi pertama memperkenalkan program itu setelah ia melihat sudah tiba masanya lebih ramai tenaga mahir dalam bidang keselamatan siber dilahirkan.

"Kertas kerjanya telah selesai, hanya tunggu kelulusan Lembaga Pengarah Uniten sebelum dihantar untuk dapatkan kelulusan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)," katanya kepada pemberita selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Uniten dengan Universiti Brandenburg dari Jerman di sini Rabu.

Katanya MoU itu bertujuan memastikan Uniten dapat menyediakan tenaga pengajar berkebolehan dalam bidang keselamatan siber menerusi perkongsian maklumat dan pengalaman.

"Kursus ini ditawarkan selepas kajian yang dilakukan mendapati bahawa kepakaran dalam bidang keselamatan siber amat diperlukan terutamanya kerana internet telah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia, tidak kira untuk tujuan jual beli atau urusan perbankan," katanya.

Kursus, yang melibatkan tempoh pengajian selama tiga tahun itu, akan dikendalikan sepenuhnya tenaga pengajar tempatan pada tahun pertama, selain mendapat kerjasama [CyberSecurity Malaysia](#) bagi memberi pendedahan kepada pelajar cabaran terkini dalam bidang keselamatan siber, katanya.

-- BERNAMA

PROGRAM RANGKAIAN PENYELIDIKAN AWAM-SWASTA

Jalin inovasi pihak akademik, industri

BERNAMA
Kuala Lumpur

Kementerian Pendidikan dalam usahanya mempertingkatkan produktiviti negara memperkenalkan program Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN).

Ketua Setiausaha II kementerian itu Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang berkata, program itu antara lain akan mewujudkan kerjasama antara pihak akademik dan industri bagi memperbaiki status kejayaan pengkomersialan produk, penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang diharapkan dapat membantu memperkukuh pembangunan ekonomi negara.

"Langkah itu boleh dicapai melalui program inovasi serta pengkomersialan antara kedua-dua pihak yang membabitkan projek berkaitan pembangunan pro-



duk, inovasi proses, penambahbaikan proses pengeluaran dan pengurusan rantai bekalan," katanya selepas merasmikan bengkel empat hari PPRN bermula Isnin lalu di Universiti Teknologi Malaysia, di sini, semalam.

Bengkel adalah inisiatif kerjasama antara Kementerian Pendidikan dan Malaysia Technology Development Corporation Sdn Bhd (MTDC), SME Corp dan industri berkaitan.

"Melalui platform ini, pe-

“Melalui platform ini, peserta daripada industri akan membentangkan permasalahan berkaitan teknologi yang dihadapi”

Dr Zaini Ujang

serta daripada industri akan membentangkan permasalahan berkaitan teknologi dihadapi dalam meningkatkan produktiviti, sementara peserta institusi pengajian tinggi dan penyelidikan negara akan memberi cadangan penyelesaian cara mereka boleh membantu industri menangani masalah itu," menurut Zaini.

Beliau berkata, selepas kedua-dua pihak, iaitu industri dan akademik, berjaya dipadankan, projek akan di-

laksanakan dengan komitmen daripada industri dan PPRN.

PPRN itu menyasarkan 100 penyelesaian masalah berkaitan teknologi yang dihadapi industri menjelang Mac tahun hadapan.

Zaini berkata kejayaan PPRN ini diharapkan dapat mewujudkan ekosistem ekonomi berasaskan pengetahuan melalui penyelidikan gunaan dalam membantu industri meningkatkan produktiviti dan pengetahuan teknologi, seterusnya membolehkan mereka bergerak atas rantai nilai.

Selain itu program inovasi yang dilaksanakan di bawah PPRN adalah antara langkah bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan universiti dan institusi penyelidikan negara sentiasa relevan serta memenuhi keperluan industri selain berkesan dan kos efektif.



Program Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta Bantu Tingkat Produktiviti Negara

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Kementerian Pendidikan dalam usahanya mempertingkatkan produktiviti negara telah memperkenalkan program Rangkaian Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN).

Ketua Setiausaha II kementerian itu, Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang berkata program itu antara lain akan mewujudkan kerjasama antara pihak akademik dan industri bagi memperbaiki status kejayaan pengkomersialan produk, penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang diharapkan dapat membantu memperkukuh pembangunan ekonomi negara.

Langkah itu boleh dicapai melalui program inovasi serta pengkomersialan antara kedua-dua pihak yang akan melibatkan projek berkaitan pembangunan produk, inovasi proses, penambahbaikan proses pengeluaran dan pengurusan rantai bekalan, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan bengkel empat hari PPRN yang bermula Isnin lepas di Universiti Teknologi Malaysia di sini.

Bengkel itu merupakan satu inisiatif kerjasama antara Kementerian Pendidikan dan [Malaysian Technology Development Corporation Sdn Bhd \(MTDC\)](#), SME Corp dan industri berkaitan.


"Melalui platform ini, peserta daripada industri akan membentangkan permasalahan berkaitan teknologi yang dihadapi dalam meningkatkan produktiviti, sementara peserta daripada institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan negara akan memberi cadangan penyelesaian bagaimana mereka boleh membantu industri menangani masalah itu," menurut Zaini.

Beliau berkata setelah kedua-dua pihak, iaitu industri dan akademik, berjaya dipadankan, projek akan dilaksanakan dengan komitmen daripada industri dan PPRN.

PPRN itu mensasarkan 100 penyelesaian masalah berkaitan teknologi yang dihadapi industri menjelang Mac tahun hadapan.

-- BERNAMA

Innovative products to be commercialised



Datin Paduka Chew Mei Fun takes an interest in a therapeutic wheelchair at JKM's Innovation Day event. Pic by Farizul Hafiz Awang

KUALA LUMPUR: The Women, Family and Community Development Ministry, through the Social Welfare Department (JKM), is collaborating with Technology Park Malaysia (TPM) to commercialise innovative products such as a multipurpose and a therapeutic wheelchair, and a food heating cabinet, among others, based on the prototypes designed by the district's welfare offices and institutions under JKM.

Its minister, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, said about 10 ideas produced in the Women Innovate Inclusive Innovation programme, had the potential to be commercialised.

"The products are for daily use and equipment for the disabled," she said.

Rohani said the ministry

had an allocation of RM1.7 million from the Ministry of Science, Technology and Innovation to fund the project.

"TPM was chosen to develop the products based on its experience and expertise in developing innovative products.

"The collaboration between JKM and TPM on this project will take two years.

"I hope the products will be useful to the agencies and institutions and the general public as well," she said in her speech read by her deputy, Datin Paduka Chew Mei Fun at the launch of JKM's Innovation Day.

She urged JKM to think holistically in its development of innovative products which should also be useful outside of JKM.

She said every innovative product must benefit the country.

JKM's Innovation Day is an annual event to celebrate and recognise the efforts of its staff who have contributed creative and innovative ideas to improve its quality of service to the public.

The event saw the signing of a Memorandum of Understanding between JKM and TPM.

Also present were JKM director-general Datuk Norani Mohd Hashim, JKM deputy director-general Sharudin Shar Kashim, TPM chief executive officer Datuk Mohd Azman Shahidin and JKM secretary of human resource management Tengku Adnin Tengku Adnan.

By Ashiqin Ariffin

'Kuala Terengganu records highest rainfall'

PEAK SEASON: National Weather Centre expects east coast weather to improve

**ROSLI ZAKARIA
AND ASHIQIN ARIFFIN**
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE northeast monsoon reached its peak of the season in the east coast areas on Tuesday as Kuala Terengganu recorded the highest rainfall, amounting to 300mm, which is the equivalent of a month's of rain.

National Weather Centre senior meteorological officer Dr Mohd Hisham Mohd Anip said the rainfall in most places had increased, especially in Kuala Terengganu, while other areas such as Kota Baru recorded rainfall under 100mm.

"The accumulation of rainfall in Kuala Terengganu, particularly from Nov 13 until today (yesterday) is about 800mm," he told the *New Straits Times* yesterday.

He said the cumulative total rainfall during the northeast monsoon usually exceeded 500mm.

Hisham added that the weather in the east coast was expected to improve beginning today as there were no signs of rain and wind.

However, Hisham said the monsoon season, which began on Nov 7, would continue until mid-March.

Rural and Regional Development Minister Datuk Seri Mohd Shafie Apdal said relief agencies had made thorough preparations to assist flood victims in the east coast.

He said those who lived in flood-prone areas should take precautionary measures and heed relocation order by the authorities.

Shafie said the ministry would consider deferring repayment of loans under its purview for people affected by floods.



Flood victims being evacuated to a relief centre at SK Kompleks Gong Badak via a bulldozer in Gong Badak, Kuala Terengganu. Pic by Aswadi Alias

The current monsoon season has battered all the east coast states, with Terengganu being the worst-hit so far.

In **Kuala Terengganu**, state officials said 2,407 people have been evacuated as of yesterday and were seeking shelter at 17 relief centres throughout the state.

Kuala Terengganu remained the worst affected area, with 1,554

evacuees from 405 families located at 11 relief centres, followed by Marang where 818 people from 196 families were relocated to two relief centres.

Meanwhile in **Setiu**, 32 people from nine families were evacuated to three relief centres. **Additional reporting by Rahmat Khairulrijal and Zarina Abdullah**

→ Full report at www.nst.com.my

Angin kencang berterusan hingga esok

Kuala Terengganu: Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori pertama) dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter di perairan Terengganu, Kelantan, Sabah (Pantai Barat), Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak yang dijangka berterusan sehingga esok.

Menurut laman web JMM, angin kencang Timur Laut dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

JMM turut mengeluarkan ramalan cuaca yang iaitu hujan di satu dua tempat di kawasan pantai di sesetengah tempat di Kuala Te-

rengganu, Marang, Hulu Terengganu, Dungun, Setiu, Besut dan Kemaman.

Keadaan itu dijangka berlaku sehingga Ahad ini yang keadaan ini boleh menyebabkan banjir di kawasan berkedudukan rendah.

Meskipun cuaca terkawal, orang ramai dinasihatkan sentiasa berjaga-jaga dan melayari laman web JMM jika ingin mendapatkan perkembangan terkini mengenai keadaan cuaca di kawasan masing-masing.

JMM turut menasihatkan orang ramai agar mengurangkan aktiviti di pantai memandangkan keadaan laut yang bergelora ketika ini berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan.



Angin Kencang Di Perairan Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak, Labuan Hingga Jumaat

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Kelantan, Terengganu, Sabah (Pantai Barat), Wilayah Persekutuan(WP) Labuan dan Sarawak dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi](#), setakat 11.43 malam ini, keadaan sama dengan kelajuan angin mencapai 50 kilometer sejam (kmsj) dijangka berterusan bagi kawasan perairan Samui, Condore, Reef North, Reef South, Layang-Layang dan Palawan

Sementara ribut petir di WP Labuan, Condore, Reef North, Sabah (Pedalaman dan Pantai Barat) dan Sarawak (Kuching, Rejang dan Bintulu) dijangka berterusan sehingga awal pagi Khamis.

Kelajuan angin dijangka mencapai 50 kmsj dan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter.

"Keadaan angin kencang dan laut bergelora ini adalah berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut," menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA